

**Untuk Siaran Segera
28 Jun 2024**

ASB 3 DIDIK ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN 5.25 SEN SEUNIT

*Jumlah pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM405.65 juta,
memanfaatkan lebih 325,000 pemegang unit*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.
- ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM405.65 juta yang memanfaatkan 325,026 pemegang unit. Pulangan sebanyak 5.25 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan 2.74% yang dicatatkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank sebanyak 251 mata asas.

Kuala Lumpur, 28 Jun 2024: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik) bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.

ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM405.65 juta, bersamaan 5.25 sen seunit kepada 325,026 pemegang unit yang kini memiliki 7.73 bilion unit. Pengagihan pendapatan ASB 3 Didik mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank pada 2.74% sebanyak 251 mata asas.

Sehingga 25 Jun 2024, ASB 3 Didik merekodkan pendapatan bersih yang direalisasi sebanyak RM437.76 juta. Pendapatan dana ini diperoleh daripada keuntungan yang direalisasi, dividen serta pendapatan lain daripada pelaburan domestik dan antarabangsa. Ekuiti kekal sebagai penyumbang terbesar, dengan ekuiti domestik menyumbang 11.8% daripada jumlah pulangan dan ekuiti antarabangsa menyumbang sebanyak 3.6%.

Kejayaan dana dalam menjana pendapatan dan mencapai prestasi teguh dipacu oleh prestasi pasaran ekuiti yang positif di pasaran utama, termasuk Malaysia, dan lonjakan global dalam AI generatif. Melalui penilaian yang konsisten ke atas metrik prestasi dan pengawasan risiko yang proaktif, dana telah secara konsisten memberikan pulangan yang menarik dan kompetitif kepada pelaburnya.

Pengiraan pengagihan pendapatan ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi dana tersebut. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2024.

Urus niaga ASB 3 Didik di semua cawangan dan ejen ASNBN termasuk semua platform digital dan perbankan internet telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 28 hingga 30 Jun 2024 bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh melakukan urus niaga semula di portal myASNBN (www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNBN, dan di mana-mana cawangan atau ejen ASNBN di seluruh negara pada 1 Julai 2024.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampuan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBN) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank and Pos Malaysia. ASNBN kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNBN di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Bumiputera 3 Didik (ASB 3 Didik)

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan jangka panjang yang berpatutan.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Emilia Azyyati Abdul Rahman, Ketua, Jabatan Komunikasi | emilia.azyyati@pnb.com.my | 017-380 6937